



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	11/5/2021	MUKA SURAT	:	37
JABATAN	:	TNB			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

TNB sasar pendapatan RE 10 peratus

PETALING JAYA – Tenaga Nasional Bhd. (TNB) menjangkakan pendapatannya daripada tenaga boleh diperbaharui (RE) akan meningkat kepada 10 peratus pada 2025, berbanding empat peratus tahun lalu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Baharin Din berkata, pendapatan daripada pelaburan dalam inisiatif berkaitan peralihan tenaga juga dijangka berkembang daripada empat peratus pada 2020 kepada sembilan peratus pada 2025.

“Kami telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan kapasiti penjana RE kepada 8,300 megawatt (MW) menjelang 2025 yang didukung inisiatif di peringkat tempatan dan antarabangsa.

“Setakat Mac 2021, kami telah mencapai 3,402MW kapasiti RE, dengan 2,736MW daripadanya di Malaysia, manakala 666MW selebihnya di peringkat antarabangsa,” katanya dalam siaran akhbar yang dikeluarkan sempena Mesyuarat Agung Ta-

hun (AGM) TNB kali ke-31 di Kuala Lumpur semalam.

TNB menutup tahun kewangan 2020 dengan keuntungan selepas cukai Kumpulan sebanyak RM3.6 bilion, berbanding RM4.45 bilion pada tahun sebelumnya.

Sementara itu, Pengerusi TNB, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, sejajar dengan penguncupan keluaran dalam negara kasar, permintaan dan jualan elektrik di Semenanjung turut menyusut tahun lalu.

Bagaimanapun jelasnya, prestasi Kumpulan kekal kukuh untuk memenuhi polisi pembayaran dividen antara 30 peratus hingga 60 peratus berdasarkan pelarasan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti pada 80 sen sesaham, dengan jumlah bayaran RM4.56 bilion.

“Dalam tempoh yang mencabar dan luar biasa ini, ketutamaan kami bertumpu kepada memberikan khidmat kepada negara dan rakyat, di samping menjaga keselamatan dan kesejahteraan warga kerja,” katanya.



DARI kiri, Ketua Pegawai Kewangan TNB, Nazmi Othman; Mahdzir dan Baharin melihat Laporan Tahunan Bersepadu TNB selepas AGM ke-31 di Ibu Pejabat TNB, Bangsar semalam.